



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
LEFTENAN JENERAL DATO' HJ ABDUL HALIM BIN  
HAJI JALAL  
NAIB CANSELOR**

**SEMPENA**

**MAJLIS AMANAT NAIB CANSELOR TAHUN 2019**

**PADA 29 JANUARI 2019**

**TEMA: REKAYASA ILMU DEMI BAKTI PERTIWI**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, WABIHI-NASTAIN,

ASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

DAN SALAM SEJAHTERA,

YANG BERBAHAGIA TIMBALAN –TIMBALAN NAIB CANSELOR,

PENOLONG - PENOLONG NAIB CANSELOR,

KOMANDAN AKADEMI LATIHAN KETENTERAAN,

PARA PEGAWAI KANAN, DEKAN – DEKAN,

KETUA – KETUA JABATAN, SERTA SELURUH WARGA **UPNM** DAN

**ALK •**

ALHAMDULILAH • PERTAMA SEKALI, MARILAH KITA SAMA-SAMA MERAFAKKAN RASA PENUH KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBAHANAHU WATAALA, PENGUASA SEKALIAN ALAM, KERANA ATAS LIMPAH KURNIANYA JUA, MAKA KITA DAPAT SAMA-SAMA HADIR DI **MAJLIS AMANAT NAIB CANSELOR 2019** PADA HARI INI DIKURNIAKAN RIMBUNAN HIDAYAH • SAYA BERDOA MUDAH-MUDAHAN MAJLIS INI DIKURNIAKAN AL-HIKMAH, AGAR PERENCANAAN KECEMERLANGAN YANG KITA USAHAKAN AKAN

SENTIASA BEROLEH KEBERKATAN DAN KEMUDAHAN, DENGAN SEMANGAT KESATUAN HATI SELURUH WARGA •

**SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI DAN KASIHI SEKALIAN,**

TAHUN 2018 TELAH PUN MELABUHKAN TIRAINYA • OLEH ITU, MARILAH SAMA-SAMA KITA TAWADUKKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ILAHI, ATAS PELBAGAI SIRI KEJAYAAN YANG TELAH DIRAIH OLEH **UPNM** SEPANJANG TAHUN 2018 • **'JUTAAN TERIMA KASIH'** SAYA UCAPKAN KEPADA SELURUH WARGA **UPNM**, KERANA TELAH SAMA-SAMA BERADA DALAM ATURAN SAF, DEMI MEMACU KECEMERLANGAN BERTERUSAN UNIVERSITI YANG KITA CINTAI INI •

KINI, TAHUN 2019 MUNCUL DENGAN SERIBU PELUANG DAN KEMUNGKINAN • MUDAH-MUDAHAN KITA TERUS DIBERIKAN PANDUAN, KEKUATAN DAN SEMANGAT YANG TINGGI UNTUK MEMPERBAHARUI TEKAD SERTA ILTIZAM, DALAM MENGANGKASA MARTABAT UNIVERSITI INI SELAYAKNYA •

**SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

SESUNGGUHNYA PELANTIKAN SAYA SEBAGAI NAIB CANSOLOR ADALAH AMANAH YANG BUKAN CALANG, SARAT DENGAN TANGGUNGAN, BERAT DENGAN UJIAN • DI BAHU SAYA KINI TERLETAKNYA TUGAS BERUPA AMANAH YANG PASTI SAYA AKAN DISOAL TENTANGNYA DI AKHIRAT KELAK •

DALAM MELUNAS AMANAH ITU, SUDAH TENTULAH SEIKHLASNYA SAYA MEMERLUKAN BANTUAN KUDRAT SERTA BUAH FIKIRAN DARIPADA SAUDARA DAN SAUDARI SELURUH WARGA **UPNM DAN ALK** • SAYA YAKIN BAHAWA PENDEKATAN SECARA MUSYAWARAH DAN PERSETUJUAN KOLEKTIF DALAM MENYELESAIKAN APA JUA ISU AKAN SENTIASA KEKAL MENJADI AMALAN MURNI DI UNIVERSITI INI • SEBAGAI 'ORANG BARU' YANG DATANG DARIPADA LATAR BELAKANG KETENTERAAN, SEJUJURNYA DUNIA PENTADBIRAN AKADEMIK ADALAH SESUATU YANG SEDIKIT ASING BAGI SAYA • OLEH ITU, SAYA MEMOHON APALAH KIRANYA PARA PEGAWAI DAN STAF YANG DATANG DARIPADA LATAR BELAKANG PENTADBIRAN DAN DUNIA

AKADEMIK SUDI BERSAMA-SAMA MEMBANTU SAYA DALAM  
MENGEMUDI UNIVERSITI KITA YANG CINTAI INI •

**SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

SECARA UMUMNYA KITA SUDAH SEDIA MAKLUM TENTANG  
PERUBAHAN LANDSKAP POLITIK DAN PEMERINTAHAN KERAJAAN  
MALAYSIA. DALAM HAL INI, PENDEKATAN KITA JELAS TENTANG  
KEWAJIPAN MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB  
DIBAWAH PEMERINTAHAN '**GOVERNMENT OF THE DAY**' •

DALAM FASA TRANSISI TERSEBUT, KITA MESTILAH  
SENTIASA PEKA SERTA PERLU MERANGKA STRATEGI DAN  
BERSEDIA UNTUK '**ADAPT AND ADOPT**' TERHADAP APA JUA  
PERUBAHAN ATAU PENGUATKUASAAN DASAR SERTA POLISI  
OLEH PIHAK KERAJAAN •

**SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

YANG BERHORMAT DR. MASZLEE MALIK, MENTERI PENDIDIKAN DALAM AMANAT BELIAU PADA 14 JANUARI 2019 LALU TELAH MENGANGKAT TEMA YANG BEGITU DEKAT DAN MENGESANKAN DI SANUBARI KITA • DENGAN BERTEMAKAN **“PENDIDIKAN UNTUK SEMUA, TANGGUNGJAWAB SEMUA”**, SEWAJIBNYA KITA MENGINSAFI PERANAN MURNI SEBAGAI WARGA SEBUAH MEDAN ILMU SANDARAN MASYARAKAT, BADAN AUTORITI PEMIKIR ILMIAH, YANG LETAK DUDUKNYA BUKAN SEKADAR GAH ATAS NAMA, TETAPI DITUNTUT SUMBANGANNYA DALAM MEMBANGUN LEGASI NEGARA BERDAULAT, DALAM SEGENAP BIDANG • DALAM UCAPAN AMANATNYA, YB MENTERI PENDIDIKAN MENGGARISKAN **EMPAT HALA TUJU** KHUSUS BAGI UNIVERSITI AWAM DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI • IZINKAN SAYA MENGUPAS SERBA RINGKAS EMPAT PASAK - TUNJANG HALA TUJU YANG DINYATAKAN OLEH BELIAU; IAITU **(1) KUALITI, (2) AUTONOMI, (3) KOLABORASI** DAN **(4) PENGANTARABANGSAAN**, DENGAN MENGAMBIL KONOTASI TEPAT BERSANDARKAN KEPADA ‘ASAS KEWUJUDAN’ **UPNM** •

## **PERTAMANYA, KUALITI:**

KITA TIDAK MAHU LAGI DILABEL SEBAGAI SEBUAH 'KILANG PENGHASIL PRODUK' BERBENTUK TENAGA KERJA YANG 'STATIK' DAN '*CLICHÉ*' • SEBALIKNYA, SETIAP ASPEK DI UNIVERSITI INI MESTI DIPASTIKAN KUALITINYA, AGAR TUGAS YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN DAPAT DILUNAS BERLANDASKAN KETETAPAN, YANG SEBAHAGIANNYA ADALAH UNTUK MEMENUHI GAGASAN SUCI BERBENTUK '*INTANGIBLE*' • GAGASAN ITU ANTARANYA, KEUTAMAAN TERATAS YANG KITA HASRATKAN, YAKNI MENENTUKAN KUALITI GRADUAN YANG LAHIR DARIPADA UNIVERSITI INI MEMILIKI 'ROH' DAN 'FIKRAH PEMIKIRAN' YANG LUHUR SUCI SEBAGAI INSAN BUDIMAN • HASRAT MURNI KITA INI SEWAJARNYA DICERNA DALAM SETIAP PEMIKIRAN WARGA • KERANA ITULAH JUGA KITA DITUNTUT MENGEMBLENG SEGALA KUDRAT SERTA BUAH FIKIR, DALAM MEMASTIKAN PENERAPAN ILMU BERMANFAAT, AGAR BERUPAYA MEMANGKIN ATURAN LURUS MANHAJ KEHIDUPAN GENERASI PEWARIS, SEKALIGUS MENJADIKAN MEREKA PEMIMPIN BERKALIBER • IA SELARI DENGAN TERTIBNYA HIDUP SEBAGAI ANGGOTA MASYARAKAT BERTAMADUN, DENGAN TEKAD MENJULANG DAULAT NEGARA

PADA SEBILANG MASA • SELAIN DARIPADA ITU, KUALITI JITU JUGA SEWAJIBNYA DIANGKAT SEBAGAI PRINSIP ASAS DALAM KITA MENYUMBANG ILMU, MELALUI KARYA-KARYA ILMIAH DENGAN DIPANDU ETIKA AKADEMIK YANG MENGIKAT PROFESION KITA YANG SUCI LAGI MURNI •

## **KEDUA, AUTONOMI:**

DANIEL H. PINK, SEORANG PENULIS BARAT MENUKILKAN BAHAWA:

***“CONTROL LEADS TO COMPLIANCE; AUTONOMY LEADS TO ENGAGEMENT.”***

ALHAMDULILLAH, **UPNM** TELAH BERJAYA MEMPEROLEHI STATUS AUTONOMI PADA OKTOBER TAHUN LALU • SESUNGGUHNYA WATIKAH AUTONOMI ITU DATANG DENGAN TANGGUNGJAWAB BERAT • KINI KITA MEMIKUL BEBAN DALAM MERENCANAKAN KEGEMILANGAN UNIVERSITI MENGIKUT ACUAN KITA YANG TERSENDIRI •



DALAM HAL INI, ANJAKAN MOMENTUM YANG TEPAT MESTILAH DISEPADUKAN DALAM SUASANA KEBERSAMAAN • PENGHAYATAN TERHADAP AMANAH KITA SELURUH WARGA SEWAJIBNYA DITERJEMAH DENGAN TINDAK-TANDUK YANG SEIRING SEBAGAI KATALIS UNTUK MEMBUGAR WIBAWA INSTITUSI ILMU YANG KITA SAYANGI INI • DALAM HAL YANG SAMA, SETIAP DARIPADA KITA MESTILAH BERUPAYA MENGEMUDI PERUBAHAN DALAMAN, DENGAN DIPACU NILAI-NILAI SERTA FAKTOR SEPUNYA SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA PERUBAHAN CARA KERJA DAN KUALITI **UPNM** DARI AKAR HINGGA KE PUNCAK •

### **KETIGA, KOLABORASI:**

DALAM KONTEKS PENGAJIAN TINGGI, UNIVERSITI TIDAK BOLEH BERGERAK BERSENDIRIAN • APATAH LAGI DALAM DUNIA GLOBAL YANG PENUH PERSAINGAN, DITAMBAH PULA DENGAN KEMUNCULAN 'TREND' SEMASA ; IAITU REVOLUSI INDUSTRI KE-EMPAT (ATAU **IR 4.0**) • JUSTERU, **UPNM** PERLU MEMPERKASAKAN INTERAKSI DAN KOLABORASI DENGAN PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN, BAIK PIHAK INDUSTRI, ALUMNI, MAHU PUN MASYARAKAT DALAM SUASANA YANG KONDUSIF, DENGAN

BERMATLAMATKAN '*WIN-WIN SITUATION*' • HUBUNGAN SIMBIOSIS YANG TERJALIN ITU PASTINYA MEMERLUKAN STRATEGI JITU, DAN BAGI MEMAKSIMUMKAN IMPAKNYA TERHADAP **UPNM**, MAKA FOKUS TERAJU KITA HARUSLAH TIDAK LARI DARIPADA TUJAHAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN • AKHIRNYA, IMPAK POSITIF KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA ADALAH CAPAIAN KEMUNCIAK DALAM HUBUNGAN KOLABORASI TERSEBUT • IA PASTI DAPAT DICAPAI MELALUI PROSES PEMINDAHAN ILMU DAN TEKNOLOGI, YANG SETERUSNYA MEMBAWA KEPADA KEMAJUAN DAN PEMERKASAAN KETAMADUNAN KHUSUSNYA DI NEGARA MALAYSIA YANG TERCINTA •

#### **KEEMPAT, PENGANTARABANGSAAN:**

DALAM ASPEK PENGANTARABANGSAAN, KITA TIDAK BOLEH LAGI BERLENGAH, SEBALIKNYA KINI ADALAH WAKTU YANG SANGAT KRITIKAL • USAHA PERLU DILIPAT GANDAKAN TERUTAMANYA DALAM MEMPOSISI DAN MENJENAMAKAN **UPNM** SEBAGAI UNIVERSITI BUTIK YANG BERSIFAT ANTARABANGSA • PARA AKADEMA KITA MESTILAH MEMPERGIATKAN '*ENGAGEMENT*' DI PERINGKAT ANTARABANGSA MELALUI

SUMBANGAN 'BICARA DAN TINTA' GAGASAN ILMU DENGAN LEBIH SIGNIFIKAN • KITA MESTILAH MENINGKATKAN USAHA UNTUK MENINGKATKAN '*VISIBILITY*' DI PERINGKAT ANTARABANGSA DENGAN MENJALIN JARINGAN PINTAR BERSAMA-SAMA '*SIGNIFICANT PLAYERS*' KHUSUSNYA SYARIKAT INDUSTRI DAN INSTITUSI PENDIDIKAN TERKEMUKA • KITA MESTILAH MEMBALAS KEPERCAYAAN MASYARAKAT DAN NEGARA DENGAN MEMBINA UPAYA KAPASITI UNTUK MELAKUKAN '*THE SOCIAL RE-ENGINEERING*', SEKALIGUS MENJADI SUMBER BEROTORITI BERSABIT BIDANG TUJAHAN KITA DI PERINGKAT KEBANGSAAN MAHU PUN ANTARABANGSA • SELAIN ITU JUGA, USAHA PENGANTARABANGSAAN INI AMATLAH BERTEPATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK KITA UNTUK 'MASUK DALAM GELANGGANG' SISTEM RANKING DAN PENARAFAN UNIVERSITI ANTARABANGSA PADA TAHUN-TAHUN MENDATANG •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

DI **UPNM**, DOKTRIN NYA AMAT JELAS DAN SINONIM SEBAGAI MENARA ILMU YANG FOKUS DALAM MELAHIRKAN PEMIMPIN HOLISTIK • IA DITUNJANG OLEH FALSAFAH PENDIDIKAN

MENYELURUH DI MANA ILMU PENGETAHUAN KONTEMPORARI  
DISULAMI DENGAN ILMU KETENTERAAN, MELALUI PEDAGOGI  
PENDIDIKAN SECARA FORMAL SERTA RUTIN REJIMENTAL •  
SAYUGIA SAYA INGIN MEMBERIKAN PERINGATAN SUPAYA HAL INI  
DIPASTIKAN KEKAL SEHINGGA BILA-BILA AGAR RELEVANSI KITA  
TIDAK TERHAKIS •

SAUDARA DAN SAUDARI BARISAN AKADEMIA DAN  
PENTADBIR DI UNIVERSITI BUKAN CALANG ORANGNYA. SETIAP  
WARGA MEMILIKI TANGGUNGJAWAB DALAM RUANG LINGKUP  
TUGAS HAKIKI MASING-MASING • OLEH ITU, SAYA YAKIN JIKA KITA  
SEPENUH HATI ISTIQAMAH MEYAKINI BAHAWA KHIDMAT KITA INI  
ADALAH SALAH SATU CABANG FARDHU KIFAYAH, MAKA TIDAK  
MUSTAHIL SATU HARI NANTI KITA AKAN MUNCUL SEBAGAI  
INSTITUSI KETENTERAAN TERULUNG DI RANTAU INI •

SEBAGAI INSTITUSI UNIK YANG FOKUS DALAM PENEROKAAN  
ILMU DAN PEMBANGUNAN INSAN, SAYA BERHARAP SETIAP  
WARGA AKAN SENTIASA BERBANGGA DAN TERUJA DENGAN  
PERANAN BESAR INI • HARUS DIINGAT BAHAWA TUGAS KITA  
TUGAS MURNI, YAKNI UNTUK MELAHIRKAN INSAN YANG BAKAL

MENGGALAS TUGAS MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN IBU PERTIWI • JUSTERU, SAYA INGIN MENGAJAK SETIAP WARGA UNTUK TERUS BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN SERTA MELAKSANAKAN AMANAH INI DENGAN PENUH KEIKHLASAN •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

SESUNGGUHNYA KITA BERASA AMAT BERTUAH KERANA ASAS YANG TELAH DILETAKKAN OLEH PIMPINAN TERDAHULU **UPNM** TELAH MEMBUKA BANYAK RUANG UNTUK UNIVERSITI INI TERUS BERGERAK MAJU DAN KEKAL RELEVAN • USAHA PENGEKALAN RELEVANSI INI PASTINYA AKAN MELALUI FASA-FASA KRITIKAL YANG MEMERLUKAN PENGHAYATAN SECARA TOTAL TERHADAP FALSAFAH UNIVERSITI • IANYA MESTILAH SEIRING MASA TANPA MENGENEPIKAN SEMANGAT PENUBUHANNYA • JUSTERU ITU, DISKUSI SECARA INTELEK PERLU TERUS DISUBURKAN • KITA MESTILAH BERJIWA BESAR SERTA MENGANGKAT TINGGI PENGERTIAN SEBENAR “BAKTI PERTIWI’ AGAR PENERAPAN NILAI ***"SELFLESS SERVICE TO THE NATION"*** DAPAT DISEMAI DALAM KALANGAN PELAJAR • DAN DI SINILAH BERMULANYA PENYEMAIAN NILAI-NILAI MURNI INI •

OLEH ITU, SAYA BERHARAP DAN SENTIASA MENARUH SEPENUH KEYAKINAN BAHAWA PIMPINAN TERTINGGI **UPNM** AKAN SENTIASA MENGAPLIKASIKAN PENDEKATAN HIKMAH BIJAKSANA KERANA TUGAS KITA INI BUKAN SEKADAR SUATU AMANAH PERIBADI • MALAHAN ADALAH AMANAH BERSAMA DAN SEWAJARNYA DILUNASKAN SERTA DIPERKUKUHKAN JALINANNYA DENGAN SEMANGAT SATU HATI TANPA SEBARANG SYARAT • TEGUR MENEGURLAH DENGAN HIKMAH BIJAKSANA SERTA SENTIASA BERLAPANG DADA • AMALAN KERJA '**IN SILO**' DAN '**TURF PROTECTION**' DALAM PERSEKITARAN INSTITUSI ILMU TIDAK HARUS BERLAKU KERANA AKHIRNYA IA TIDAK AKAN MEMBAWA KITA KE MANA-MANA •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

SETERUSNYA IZINKAN SAYA MENYAMPAIKAN DAN MENGGARISKAN HASRAT SERTA AMANAT YANG SAYA HARAPKAN AKAN DIANGKAT SEBAGAI AGENDA UTAMA UNIVERSITI UNTUK TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG •

DI NEGARA MEMBANGUN, PENGARUH DAN KESAN BUDAYA ASING YANG NEGATIF SANGAT HEBAT • FALSAFAH YANG HARUS DIJUNJUNG ADALAH PERJUANGAN MENGISI IKRAR SETIA SEBAGAI BANGSA YANG SATU, WARGANEGARA YANG MEMILIKI MARUAH DAN BERJIWA BESAR •

DUNIA PENDIDIKAN TINGGI MERUPAKAN SALAH SATU TUNJANG UTAMA, YANG MEMBERI KESAN LANGSUNG TERHADAP POLA PERUBAHAN SOSIOBUDAYA DAN SOSIOEKONOMI KE ARAH MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU • LEBIH DARI ITU, KEWUJUDAN UNIVERSITI ATAU INSTITUSI ILMU MERUPAKAN SUATU LAMBANG KETAMADUNAN SESEBUAH NEGARA • KITA SEHARUSNYA BERASA BANGGA KERANA KITA ADALAH KOMUNITI DALAM INSTITUSI YANG DILIHAT SEBAGAI PENANDA ARAS KEMAJUAN NEGARA • DALAM KONTEKS **UPNM**, TRADISI DAN NILAI KEILMUAN MESTILAH DIJUNJUNG SERTA SELARAS DENGAN ROH PERJUANGAN DALAM MENENTUKAN KEDAULATAN NEGARA KEKAL TERPELIHARA •

PENERAPAN “**SEMANGAT BERILMU UNTUK BERBAKTI DEMI KEDAULATAN IBU PERTIWI**” MESTILAH SENTIASA DIJADIKAN ASAS DALAM APA JUA ASPEK PENTADBIRAN, AKADEMIK,

MAHUPUN KETENTERAAN • SUDAH PASTINYA KITA TELAH SERING MENDENGAR KATA-KATA HIKMAH “**EDUCATION IS THE FIRST LINE OF DEFENSE**” • DISEBALIK KATA-KATA ITU, KITA FAHAMI BAHAWA DEMI KELESTARIAN KEDAULATAN DAN MARUAH TANAH AIR TERCINTA, KITA MEMIKUL AMANAH YANG AMAT BERAT, DITERJEMAHKAN MELALUI USAHA KITA UNTUK MEMBINA KUALITI DALAM SEGENAP ASPEK • PERKARA INI SAYA RANGKUMKAN SEBAGAI “**REKAYASA ILMU DEMI BAKTI PERTIWI**” • IA MEMBAWA MAKSUD BAHAWA PENERAPAN DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN TERHADAP USAHA KITA MELENGKAPKAN ILMU PENGETAHUAN TERBAIK KEPADA BAKAL PEMIMPIN •

DI SINI, PERKARA POKOK YANG SAYA HARAPKAN IALAH KITA MESTI SENTIASA MELAKUKAN ‘**REVISIT**’ SECARA BERKALA TERHADAP KURIKULUM AKADEMIK DAN KETENTERAAN • HAL INI JUGA MERANGKUMI PENDEKATAN KITA DALAM MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF BAGI AKTIVITI INTELEKTUAL, PEMBANGUNAN SAHSIAH SERTA KEPIMPINAN PELAJAR •

DI UNIVERSITI KITA YANG UNIK DAN ‘**BOUTIQUE**’ INI, SAYA MAHU SUPAYA **ETHOS KEPERWIRAAN** DAN **BUDAYA AKADEMIK**



KEKAL DISEPADUKAN • SAYA RINGKASKAN DI SINI TENTANG ISI KEDUA-DUA ASPEK INI YANG SEWAJARNYA KITA SELARASKAN SINERGI DAN TITIK PERTEMUAN ANTARA KEDUA-DUANYA AGAR IA SALING MELENGKAPI •

### **PERTAMANYA, BUDAYA AKADEMIK:**

SECARA UMUMNYA BUDAYA AKADEMIK ADALAH BUDAYA UNIVERSAL YANG DIMILIKI OLEH SETIAP ORANG YANG MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI AKADEMIK • HARUS DIAKUI, MEMBANGUN BUDAYA AKADEMIK BUKAN PERKARA YANG MUDAH • UPAYA SOSIALISASI YANG JITU TERHADAP KEGIATAN AKADEMIK ADALAH SYARAT UTAMA YANG MENJADIKAN IA SEBAGAI SUATU RUTIN KEBIASAAN DALAM MELAKSANAKAN NORMA-NORMA DALAM BIDANG ITU • DALAM HAL INI, SAYA GARISKAN **LIMA ASPEK** YANG SEWAJIBNYA DIJADIKAN TUNJANG DALAM MENCAPAI PEMBUDAYAAN AKADEMIK DI **UPNM**, IAITU:

1. USAHA DALAM MENJAMIN PENGEKALAN PRESTIJ DAN KREDIBILITI AKADEMIK;
2. PENEROKAAN SERTA PENAMBAHAN ILMU DAN WAWASAN;

3. PENERAPAN PEMIKIRAN RASIONAL SERTA KRITIS-ANALITIS DENGAN BERTUNJANGKAN TANGGUNGJAWAB MORAL DUNIA AKADEMIK;
4. PEMURNIAN KURIKULUM SERTA PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERKALA;
5. PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU OLEH FAKULTI/PUSAT.

#### **KEDUANYA, ETHOS KEPERWIRAAAN.**

TRADISI WATAK KESUSILAAN DAN ADAT KEBIASAAN YANG DITUNJANGI DISIPLIN MELALUI PEMATUHAN ARAHAN MERUPAKAN ASAS KESEPADUAN DI MANA-MANA SAHAJA ORGANISASI, LEBIH-LEBIH LAGI ORGANISASI KETENTERAAN • DALAM KONTEKS **UPNM**, ETHOS KEPERWIRAAAN JIKA DIPERHALUSI DENGAN TELITI MERUPAKAN ASAS MENERBITKAN SEMANGAT BERBAKTI KEPADA IBU PERTIWI DALAM KALANGAN PELAJAR KITA • DI SINI, SAYA GARISKAN **EMPAT TUNJANG** YANG SAYA YAKINI MAMPU MENTERJEMAHKAN SEMANGAT TERSEBUT, IAITU:

1. PEMBUDAYAAN SISTEM NILAI YANG BERTERASKAN RUKUN NEGARA, IKRAR KESATRIA, PRINSIP-PRINSIP KEPERWIRAN, MORAL DAN ETIKA.
2. PENERAPAN SEMANGAT PATRIOTISME DAN KECINTAAN KEPADA NEGARA YANG SEWAJIBNYA DAPAT DILIHAT DAN DIRASAI, BUKAN RETORIK SEMATA-MATA;
3. PEMBUDAYAAN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN DI MANA PEGAWAI DAN STAF BERTINDAK SEBAGAI AGEN PERUBAHAN;
4. MEMPERKASAKAN KOD PERILAKU DAN SAHSIAH PELAJAR (*THE STUDENT ATAU OFFICER CADET CODE OF CONDUCT*) YANG TERPAKAI KEPADA SEMUA PELAJAR DAN MESTILAH MENJADI KOMITMEN BERSAMA UNTUK MENENTUKANNYA MENJADI ATURAN RUTIN.

BAGI MENYATAJADIKAN HAL INI, SAYA MEMOHON SUPAYA DIADAKAN SATU BENGKEL KHUSUS MELIBATKAN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN DI **UPNM** AGAR PENDEFINISIAN DAN KONOTASI YANG LEBIH TEPAT DAN TELITI DAPAT DIHURAIKAN, BUKAN HANYA KEKAL MENJADI KONSEPTUAL SEMATA-MATA • DALAM HAL INI JUGA, KITA MESTILAH MELIHAT HASRAT PEMEGANG TARUH DAN PENGLIBATAN MEREKA AMAT PENTING KERANA HALA

TUJU **UPNM** SEBENARNYA JUGA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PEMEGANG TARUH KITA •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

SEBAGAI UNIVERSITI YANG SINONIM DENGAN DISIPLIN KETENTERAAN, KITA SEMEMANGNYA AMAT MENITIK BERATKAN ASPEK KECERGASAN FIZIKAL, YANG MANA SELARI DENGAN ATRIBUT KE - 3 '*INTELLECTUAL LEADERS OF CHARACTER*' IAITU 1 PELAJAR 1 SUKAN • OLEH DEMIKIAN, KITA MENETAPKAN MATLAMAT, FOKUS DAN STRATEGI TERSENDIRI DALAM MEMASTIKAN KITA TIDAK KETINGGALAN DALAM MERAHAIK KECEMERLANGAN DI ARENA SUKAN •

DENGAN USIA **UPNM** YANG KINI MENCAPAI 13 TAHUN, KITA DIANGGAP MASIH BARU DALAM ARENA SUKAN PERINGKAT UNIVERSITI, TETAPI PERSEPSI ITU TIDAK BERMAKNA KITA LEMAH • SEBALIKNYA KITA MEMILIKI ATLET-ATLET YANG BERPOTENSI BESAR UNTUK MENGHARUMKAN NAMA UNIVERSITI DAN NEGARA • JUSTERU, SAYA BERKEHENDAKKAN AGAR PARA PELAJAR YANG BERPOTENSI INI DIBANTU SEWAJARNYA AGAR

MEREKA BOLEH MENGECAPI KECEMERLANGAN DALAM AKADEMIK SERTA KEJAYAAN DALAM SUKAN YANG DICEBURI • SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA PIHAK UNIVERSITI AKAN SENTIASA MEMBERIKAN SOKONGAN KEPADA PARA ATLET • DALAM HAL INI, KITA PERLU KREATIF DAN TIDAK 'RIGID' DALAM MENTADBIR PARA ATLET INI • SEBAGAI CONTOH, PARA PENSYARAH BOLEH MENGADAKAN KELAS TAMBAHAN KHAS KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT DENGAN PERTANDINGAN DAN LATIHAN INTENSIF • SELAIN ITU JUGA, AKADEMI KECERGASAN PERTAHANAN MESTILAH MENERUSKAN MENGGANDAKAN LAGI INISIATIF USAHASAMA DENGAN AGENSI LUAR BAGI MENDAPATKAN KEPAKARAN SERTA TEKNIK KEJURULATIHAN SUKAN YANG BERSESUAIAN •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

**UPNM** SEBAGAI SEBUAH BADAN BERKANUN YANG MENERIMA PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN JUGA TELAH TERKESAN AKIBAT DARIPADA KETIDAK TENTUAN EKONOMI • OLEH ITU, AMAT PENTING BAGI **UPNM** MENGAMALKAN PERBELANJAAN BERHEMAH • KITA MESTI MENGGUNAKAN

PENDEKATAN “*DO MORE WITH LESS*” AGAR KITA DAPAT MENGADAPTASIKAN IMPAK EKONOMI INI SECARA EFEKTIF • OLEH DEMIKIAN, SAYA MENYERU AGAR LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN SECARA MENYELURUH DAPAT DIAMBIL OLEH SEMUA PIHAK •

DI SEPANJANG SESI LAWATAN KE **FPJB**, SAYA MENERIMA PELBAGAI PERMOHONAN KHUSUSNYA BAGI MELAKSANAKAN PROJEK ATAU PROGRAM TERTENTU • SEJUJURNYA SAYA AMAT MEMAHAMI KEPERLUAN TERSEBUT, TETAPI ATAS KEKANGAN KEWANGAN YANG KITA HADAPI, SAYA MEMOHON AGAR TUAN/PUAN BERSABAR • SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA PIHAK PENGURUSAN AKAN SEDAYA UPAYA MEMPERTIMBANGKAN PENYALURAN PERUNTUKAN MENGIKUT KEUTAMAAN PROJEK ATAU PROGRAM YANG DIDAPATI LEBIH PENTING UNTUK JANGKA MASA PENDEK DAN JANGKA MASA PANJANG • IN SHAA ALLAH • DALAM HAL INI, SAYA MELIHAT PENAMBAHBAIKAN PENGINAPAN PELAJAR, BILIK-BILIK KULIAH DAN KEMUDAHAN SUKAN MENJADI KEUTAMAAN PADA TAHUN INI •

DALAM USAHA PENJANAAN SUMBER DALAMAN UNIVERSITI PULA, SAYA TELAH DIMAKLUMKAN BAHAWA **UPNM HOLDINGS SDN BHD** KINI SEMAKIN KUKUH DENGAN PENJAAAN PENDAPATAN YANG POSITIF HASIL DARIPADA STRATEGI CABANG PERNIAGAAN YANG PELBAGAI • DALAM HAL YANG SAMA, SAYA YAKIN SUDAH SAMPAI MASANYA **FPJB** MENJALANKAN AKTIVITI YANG DAPAT MENJANA PENDAPATAN BERDASARKAN '**NICHE AREA**' MASING-MASING • SEKIRANYA **FPJB** BERJAYA MENJANA PENDAPATAN YANG BAIK, SAYA MEMBERI JAMINAN SUPAYA SEBAHAGIAN DARIPADA PENDAPATAN ITU DISALURKAN SEMULA KEPADA **FPJB** TERLIBAT DALAM BENTUK TERTENTU SEBAGAI INSENTIF ATAS USAHA MEREKA • NAMUN HARUSLAH DIINGAT, APA JUA AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN MESTILAH SELARI DENGAN BIDANG TUJAHAN KITA SERTA TIDAK MENJEJASKAN PRESTASI TUGAS HAKIKI •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

SESUNGGUHNYA KREDIBILITI DAN KEUNGGULAN UNIVERSITI INI TIDAK DIBINA DALAM MASA YANG SINGKAT • IA TELAH MENYAKSIKAN PENGORBANAN DAN KERINGAT SETIAP

DARIPADA KITA SERTA ORANG-ORANG YANG TERDAHULU  
DARIPADA KITA • DALAM HAL INI, PELBAGAI CABARAN DAN  
DUGAAN TELAH DITEMPUHI OLEH BARISAN KEPIMPINAN DALAM  
MEMASTIKAN IMEJ BAIK **UPNM** SENTIASA KEKAL DAN MENDAPAT  
KEPERCAYAAN MASYARAKAT SERTA NEGARA • SAUDARA DAN  
SAUDARI JUGA BERPERANAN SEBAGAI AHLI DALAM “KELUARGA  
BESAR” **UPNM** • OLEH DEMIKIAN, KITA SEMUA MESTILAH  
MENYATAKAN RASA BANGGA DAN SAYANG KITA KEPADA  
ORGANISASI • INTERPRETASI ITU MESTILAH DIPERLIHATKAN  
DENGAN MENUNJUKKAN KESETIAAN, KETAATAN DAN  
KETEKUNAN UNTUK KITA SAMA-SAMA MEMBINA DAN BERKONGSI  
KEJAYAAN • SAYA BERHARAP APA-APA TINDAKAN OLEH MANA-  
MANA INDIVIDU ATAU SEKUMPULAN INDIVIDU YANG BOLEH DAN  
AKAN MENCEMAR NAMA BAIK UNIVERSITI TIDAK DILAKUKAN ATAU  
DIHENTIKAN SEGERA SEKIRANYA TELAH DAN SEDANG  
DILAKUKAN • ***THE INTEREST OF THE UNIVERSITY PREVAILS OVER  
YOUR OWN INDIVIDUAL INTEREST*** •

SEBAGAI PERMULAAN TERHADAP USAHA INI, SAYA TELAH  
MEMPERKENALKAN COGAN KATA “**#SAYANGI.UPNM.KITA**”  
SESUAI DENGAN HASRAT KEMENTERIAN YANG MAHUKAN



SISTEM PENDIDIKAN YANG MAMPU MEYUBURKAN RASA **KASIH SAYANG, KEBAHAGIAAN DAN SALING MENGHORMATI** • WALAU BAGAIMANAPUN, HARUS DIAKUI BAHAWA SUDAH TENTULAH IA MEMERLUKAN PENERAPAN YANG MENGAMBIL MASA YANG LAMA SECARA BERTERUSAN • PASTINYA TIDAK CUKUP DAN TIDAK MEMADAI DENGAN COGAN KATA YANG INDAH NAMUN GERSANG DARI SEBARANG ERTI • OLEH HAL YANG DEMIKIAN, SAYA MENYERU SUPAYA SEMUA PIHAK MEMULAKAN USAHA INI SEDIKIT DEMI SEDIKIT, AGAR KITA DAPAT MENJIWAI DENGAN SEPENUH HATI TENTANG PENGERTIAN RASA KASIH DAN SAYANG KITA KEPADA UNIVERSITI INI • JIKA ITU DAPAT KITA LAKUKAN, SAYA OPTIMIS BAHAWA USAHA INI AKAN BERJAYA DITERAPKAN DALAM JIWA SANUBARI SETIAP WARGA UNIVERSITI •

IN SHAA ALLAH •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

DUGAAN DAN ISU HARIAN ADALAH SUATU KELAZIMAN BAGI SEBUAH GEDUNG ILMU DAN SEMEMANGNYA TIDAK DAPAT DIELAKKAN • KITA SEMUA HARUS AKUI BAHAWA ITULAH SEBENARNYA YANG MENJADI TITIK TOLAK DALAM USAHA

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN TERHADAP SEGALA ASPEK •  
SAYA MENYERU SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN, MARILAH  
KITA RAPATKAN SAF DAN SUSUN ATUR, AGAR DAPAT MELAKUKAN  
YANG TERBAIK SERTA MEMASTIKAN CABARAN YANG DIHADAPI  
OLEH UNIVERSITI DAPAT DIHARUNGI DAN DITANGANI  
SEBAIKNYA • MELALUI PENDEKATAN BERSTRATEGI, SUDAH  
SEMESTINYA KOMITMEN SERTA SOKONGAN YANG TIDAK  
BERBELAH BAHAGI DARIPADA BARISAN LEMBAGA PENGARAH  
UNIVERSITI SERTA PENGURUSAN TERTINGGI AKAN SENTIASA  
MENGIRINGI KITA •

**SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

AKHIR KATA, MARILAH KITA SAMA-SAMA BERDOA, MUDAH  
MUDAHAN LEGASI KECEMERLANGAN INSTITUSI ILMU INI DAPAT  
KITA KECAPI DAN KONGSI BERSAMA-SAMA • DEMI MASA  
HADAPAN ANAK BANGSA, DEMI MARUAH IBU PERTIWI YANG TIADA  
GALANG GANTI, SAYA MEMOHON SAUDARA DAN SAUDARI UNTUK  
TERUS BERDIRI TEGUH BERSAMA-SAMA SAYA DAN PIMPINAN  
**UPNM** • MOGA-MOGA SEGALA USAHA KITA YANG SETERUSNYA  
DIBERI KEMUDAHAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATAALA •

## **KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI**

SEKIAN •

WABIILAHl TAUFIK WAL HIDAYAH

ASALAMUALAIKUM WARAHAMATULLAHl WABARAKATUH •